



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	05/03/10
MUKA SURAT	:	41
	:	UMUM



SEBUAH rumah roboh di bandar Shanlin, selatan Taiwan selepas gempa bumi melanda negara berkenaan, semalam.



KILANG tekstil Hong Yuan Hsing terbakar selepas gempa melanda selatan Taiwan, semalam.

Taiwan pula dilanda gempa bumi, 12 cedera

TAIPEI: Taiwan dikejutkan dengan satu gempa bumi berukuran 6.4 skala Richter yang melanda selatan negara itu, semalam.

Ia menyebabkan 12 penduduk cedera selain menimbulkan ketakutan di kalangan orang ramai, menjejaskan talian komunikasi dan mencekutkan sekurang-kurangnya satu kebakaran besar.

Tiada amaran tsunami dikeluarkan. Gempa berpusat di wilayah pergunungan

yang sama di wilayah Kaohsiung yang mengalami kemusnahan akibat Taufan Morakot, ribut yang membunuh sekurang-kurangnya 700 penduduk Ogos lalu.

Aktor Taiwan, Chu Chung-heng berkata beliau dan penumpang lain hampir panik apabila kereta api laju yang mereka naiki tergelincir daripada landasan berikutan gempa berkenaan.

"Ramai penumpang dalam kabin saya menjerit," kata-

nya. "Saya amat takut sehingga tidak dapat bersuara. Kereta api bergegar dan saya sangka ia akan terbalik."

Perkhidmatan kereta api

FAKTA NOMBOR

6.4
skala Richter

Ukuran gempa bumi melanda Taiwan

di selatan dan tengah Taiwan ditangguhkan, begitu juga dengan sistem bawah tanah di Kaohsiung, bandar kedua terbesar di Taiwan dengan 1.5 juta penduduk.

Kaohsiung kira-kira 400 kilometer ke selatan Taipei.

Di Tainan, satu kebakaran membabitkan sebuah kilang tekstil dilaporkan selepas gempa melanda, menyebabkan asap menyelubungi udara.

Bekalan tenaga terputus

di Taipei dan sekurang-kurangnya sebuah lagi wilayah di selatan manakala perkhidmatan telefon di kebanyakan kawasan di Taiwan terjejas.

Kuo Kai-wen, pengarah pusat siesmologi Biro Cuaca Pusat berkata, gempa berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan gempa terkuat di Chile Sabtu lalu tetapi disifatkan sebagai luar biasa bagi kawasan terbabit.

- AP